

Ms.22

Khamis, 29 Mac 2018 BH

→ ISU

[FOTO EIZAIRI SHAMSUDIN/BH]



Penduduk Blok 4, Flat Jubli Perak PKNS, Seksyen 4, Bandar Baru Bangi yang terjejas akibat keretakan pada tiang bangunan mendaftar dengan JKM untuk penempatan sementara.

KES KERETAKAN BLOK 4, FLAT JUBLI PERAK PKNS, SEKSYEN 4, BANDAR BARU BANGI

Tahap keselamatan ditentukan 2 hari lagi

➔ Tempoh pemeriksaan dilanjutkan bagi pastikan keputusan ujian tepat

Oleh Kalbana Perimbanayagam
cnews@nstp.com.my

➔ Bangi

Pihak berkuasa memerlukan dua hari lagi iaitu sehingga Jumaat ini, untuk menentukan sama ada Blok 4, Flat Jubli Perak PKNS, Seksyen 4, Bandar Baru Bangi, di sini, selamat untuk didiami atau sebaliknya.

Pegawai Daerah Hulu Langat, Datuk Rosli Othman, berkata pe-

runding Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) bersama arkitek institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM) mula melakukan ujian sejak semalam, namun terpaksa melanjutkan pemeriksaan berkenaan sebelum memutuskan tahap keselamatan bangunan itu.

Beliau berkata, lanjutan tempoh ujian berkenaan bagi memastikan keputusan daripada ujian yang dijalankan betul-betul tepat.

"Arkitek dan pemeriksa dari jabatan yang berkenaan perlu mengambil masa dua hari lagi sebelum menentukan tahap keselamatan flat berkenaan.

Keperluan penduduk dijaga

"Sehingga itu, penduduk yang terjejas ditempatkan di pusat pemindahan sementara di dewan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Jalan Tiga dan segala kebajikan serta keperluan mereka dijaga PKNS dan kerajaan Selangor," katanya pada sidang media, di sini, semalam.

Difahamkan, ujian yang dijalankan untuk menentukan tahap ke-

selamatan tiang dilakukan selang empat dalam masa sekurang-kurangnya 48 jam.

18 tiang alami keretakan

Rosli berkata, daripada 18 tiang yang mengalami keretakan, hanya lima atau empat yang membimbangkan.

Dilaporkan bahawa 18 daripada 114 tiang mengalami keretakan yang menyebabkan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) mengisytiharkan ia tidak selamat sebelum mengarahkan penduduk berpindah, petang semalam.

Rosli berkata berdasarkan keadaan dan hakisan keluli yang tertanam di dalam tiang, keretakan mula bertambah buruk kira-kira dua hingga tiga minggu lalu.

"Sekiranya bangunan diperakui tidak selamat, PKNS mempunyai beberapa rancangan alternatif untuk mereka yang terjejas, tetapi kami tidak akan menyentuh perkara itu lagi, hari ini," kata Rosli yang enggan mengulas lanjut.



[FOTO SADDAM YUSOFF/BH]

Keadaan tiang bangunan yang retak dan dikhuatiri tidak selamat.



Sekiranya bangunan diperakui tidak selamat, PKNS mempunyai beberapa rancangan alternatif untuk mereka yang terjejas, tetapi kami tidak akan menyentuh perkara itu lagi, hari ini"

Rosli Othman,
Pegawai Daerah
Hulu Langat

Beliau berharap hasil ujian dan pemeriksaan akan diperolehi Jumaat ini.

"Jika ia diisytiharkan sebagai selamat maka penghuni boleh kembali ke unit mereka sementara pihak berkuasa menjalankan kerja pemulihan dan pembaikan.

"Jika ia selamat, saya menganggarkan tempoh kira-kira dua minggu untuk kerja-kerja pembaikan," katanya.

Sementara itu, Pejabat Setiusaha Kerajaan Negeri Selangor (Pengerusuan Bencana), Ahmad Fairuz Mohd Yusof yang turut hadir berkata, sekiranya keselamatan bangunan itu terjamin, mereka akan memeriksa setiap unit rumah bagi mengenal pasti tanda retak sebagai langkah berjaga-jaga.

"Sehingga kini hanya blok berkenaan yang terjejas, bagaimanapun kami akan melakukan pemeriksaan pada blok lain.

"Seramai 20 keluarga kini ditempatkan di pusat pemindahan sementara, manakala 18 lagi tinggal di rumah saudara mereka," katanya.